



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN MALAYSIA
SUKU TAHUN KEDUA 2026**

**Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Malaysia meningkat
2.9 peratus pada suku tahun kedua 2026**

PUTRAJAYA, 6 OGOS 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEDUA 2026**, yang mengukur perubahan harga pengeluar dalam sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia. IHPRP meningkat 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2026, berbanding peningkatan 2.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Dalam kenyataan pada hari ini, indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 6.4 peratus, selepas peningkatan 5.7 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (5.8%) dan Aktiviti perkhidmatan minuman (3.1%). Indeks Pengangkutan meningkat 5.6 peratus, berbanding 3.8 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbangkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan penumpang udara yang meningkat 17.5 peratus. Indeks Pendidikan juga meningkat 2.1 peratus selepas peningkatan 1.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, disokong oleh Pendidikan tinggi (1.8%) dan Pendidikan menengah (1.7%). Indeks lain yang mencatatkan kenaikan adalah Kesenian, hiburan & rekreasi dan Kesihatan masing-masing meningkat sebanyak 1.6 peratus, diikuti Aktiviti hartanah (1.3%) dan Profesional (1.0%).

Sementara itu, indeks Maklumat & komunikasi mencatatkan peningkatan 0.3 peratus, berbanding 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya, disebabkan oleh indeks Aktiviti prosesan data, hosting dan yang berkaitan; web portal (0.8%) dan Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan (0.7%).

Pada asas suku tahunan, IHPRP mencatatkan 1.1 peratus berbanding 1.4 peratus pada suku tahun sebelumnya disumbangkan oleh semua subsektor. Indeks Pengangkutan meningkat 2.0 peratus disumbangkan oleh indeks Pengangkutan penumpang udara (11.2%). Indeks Kesenian, hiburan dan rekreasi juga meningkat 2.0 peratus, manakala indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 1.3 peratus disebabkan oleh Restoran dan aktiviti perkhidmatan

makanan bergerak (1.3%) . Selain itu, indeks lain yang menunjukkan peningkatan adalah indeks Aktiviti hartanah (0.6%), Pendidikan (0.5%), Kesihatan (0.3%), Maklumat dan komunikasi (0.2%) dan Profesional (0.1%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan, Suku Tahun Kedua 2026

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST2 2025	ST1 2026	ST2 2026	ST2 2026/ ST1 2026	ST2 2026/ ST2 2025
JUMLAH	116.9	119.0	120.3	1.1	2.9
Pengangkutan	108.1	111.9	114.1	2.0	5.6
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman	159.9	167.9	170.1	1.3	6.4
Maklumat & komunikasi	101.0	101.1	101.3	0.2	0.3
Aktiviti hartanah	127.8	128.6	129.4	0.6	1.3
Profesional	105.2	106.2	106.3	0.1	1.0
Pendidikan	120.5	122.4	123.0	0.5	2.1
Kesihatan	108.8	110.2	110.5	0.3	1.6
Kesenian, hiburan & rekreasi	118.3	117.8	120.2	2.0	1.6

Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan, ST1 2023 – ST2 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
6 OGOS 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA'S SERVICES PRODUCER PRICE INDEX SECOND QUARTER 2026

Malaysia's Services Producer Price Index increased by 2.9 per cent in the second quarter of 2026

PUTRAJAYA, 6th AUGUST, 2026 – The Department of Statistics, Malaysia today released a report of the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), SECOND QUARTER 2026**, which measures changes in producer prices within Malaysia's domestic services sector. The SPPI increased by 2.9 per cent in the second quarter of 2026, up from 2.1 per cent in the previous quarter.

In a statement today, the Accommodation and food & beverage service activities index rose by 6.4 per cent, following a 5.7 per cent in the previous quarter. This increase was driven by Restaurant and mobile food service activities index (5.8%) and Beverage service activities (3.1%). The Transportation index increased by 5.6 per cent, up from 3.8 per cent in the previous quarter, mainly due to a 17.5 per cent rise in the Passenger air transport index. The Education also recorded an increase of 2.1 per cent, after an increase of 1.9 per cent in the previous quarter, supported by Higher education (1.8%) and Secondary education (1.7%). Other indices that registered increases were Arts, entertainment & recreation and Health, both increases by 1.6 per cent, followed by Real estate activities (1.3%) and Professional (1.0%).

Meanwhile, the Information & communication index recorded an increase of 0.3 per cent, compared to 0.1 per cent in previous quarter, due to the Data processing, hosting and related activities; web portals (0.8%) and Computer programming, consultancy & related activities (0.7%).

On a quarter-on-quarter basis, the SPPI increased by 1.1 per cent, from a 1.4 per cent increase in the previous quarter contributed by all subsectors. The Transportation increased by 2.0 per cent mainly supported by Passenger air transport (11.2%). The Arts, entertainment & recreation indices also went up by 2.0 per cent, while the Accommodation and food & beverage service activities increased by 1.3 per cent due to Restaurant and mobile food service activities index (1.3%). In addition, other indices

that recorded increases were Real estate activities (0.6%), Education (0.5%), Health (0.3%), Information & communication (0.2%) and Professional (0.1%).


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Table 1: Services Producer Price Index, Second Quarter of 2026

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q2 2025	Q1 2026	Q2 2026	Q2 2026/ Q1 2026	Q2 2026/ Q2 2025
TOTAL	116.9	119.0	120.3	1.1	2.9
Transportation	108.1	111.9	114.1	2.0	5.6
Accommodation and food & beverage service activities	159.9	167.9	170.1	1.3	6.4
Information & communication	101.0	101.1	101.3	0.2	0.3
Real estate activities	127.8	128.6	129.4	0.6	1.3
Professional	105.2	106.2	106.3	0.1	1.0
Education	120.5	122.4	123.0	0.5	2.1
Health	108.8	110.2	110.5	0.3	1.6
Arts, entertainment & recreation	118.3	117.8	120.2	2.0	1.6

Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2023 – Q2 2026



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6 AUGUST 2026